



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

OPERASI PEJABAT DAN PUSAT KHIDMAT HASIL LHDNM DI UTARA TANAH AIR TIDAK TERJEJAS AKIBAT BANJIR

Cyberjaya, 6 November – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa semua pejabat dan Pusat Khidmat Hasil (PKH) yang berada di Utara Tanah Air beroperasi seperti biasa walau pun terdapat sebilangan pegawainya terjejas akibat banjir sejak semalam.

Justeru orang ramai tidak perlu merasa bimbang dan boleh berkunjung ke mana-mana pejabat dan PKH LHDNM bagi menyelesaikan urusan percukaian mereka. Selain daripada mengunjungi pejabat dan PKH, orang ramai juga boleh menggunakan perkhidmatan elektronik LHDNM yang boleh diakses melalui portal rasmi www.hasil.gov.my .

Pihak pengurusan LHDNM bersimpati dengan nasib semua mangsa yang terjejas akibat banjir dan akan menghulurkan bantuan yang bersesuaian bagi meringankan bebanan mereka.

Sebarang perkembangan berkenaan dengan operasi pejabat dan PKH LHDNM akan dimaklumkan kepada orang ramai dari semasa ke semasa.

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN) | Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 6 NOVEMBER 2017